



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 FEBRUARI 2022

PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL DAN PKRC

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 22 Februari 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): Enam (6) negeri** iaitu Kelantan (78%), Johor (69%), WP Kuala Lumpur (62%), Melaka (54%), Perlis (45%), dan Selangor (45%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$;
- **Katil Bukan ICU: 11 negeri** iaitu Perlis (114%), Kelantan (108%), Selangor (99%), Perak (95%), WP Putrajaya (74%), Johor (72%), WP Kuala Lumpur (72%), Sabah (70%), Pahang (68%), Terengganu (54%), dan Pulau Pinang (51%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$;

- **Katil Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC): Empat (4)** negeri iaitu Perak (72%), Selangor (70%), Melaka (55%), dan Sabah (51%) menunjukkan peratusan pengisian $\geq 50\%$; dan
- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (*ventilator*)** meningkat kepada 180 pesakit dan pesakit-pesakit ini **menggunakan 37% daripada keseluruhan *ventilator*** untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19.

Jadual 1: Penggunaan Katil COVID-19 Bagi ICU dan Bukan ICU di Hospital dan PKRC Pada 22 Februari 2022

PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DI HOSPITAL AWAM DAN PKRC SETAKAT 22.2.2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID -19								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID-19 & PUI	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN
Perlis	111	127	114%	11	5	45%	114	30	26%
Kedah	1,259	411	33%	130	25	19%	666	268	40%
Pulau Pinang	597	303	51%	42	14	33%	800	371	46%
Perak	675	643	95%	55	18	33%	300	215	72%
Selangor	1,246	1,230	99%	74	33	45%	585	407	70%
WP Kuala Lumpur	582	420	72%	26	16	62%	0	0	0%
WP Putrajaya	73	54	74%	6	1	17%	0	0	0%
Negeri Sembilan	1,084	385	36%	61	11	18%	224	66	29%
Melaka	651	158	24%	24	13	54%	1,049	572	55%
Johor	1,567	1,135	72%	52	36	69%	807	263	33%
Pahang	655	443	68%	81	12	15%	1,456	488	34%
Terengganu	421	226	54%	40	9	23%	641	276	43%
Kelantan	410	444	108%	36	28	78%	942	391	42%
Sabah	1,719	1,199	70%	120	52	43%	2,247	1,137	51%
Sarawak	678	327	48%	71	12	17%	856	203	24%
WP Labuan	98	27	28%	7	1	14%	130	17	13%
JUMLAH	11,826	7,532	64%	836	286	34%	10,817	4,704	43%

Jadual 2: Penggunaan Katil Kes COVID-19 dan Bukan COVID-19 di Hospital Awam Pada 22 Februari 2022

PENGGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID-19 DI HOSPITAL AWAM 22.2.2022

NEGERI	PENGUNAAN KATIL COVID -19 DAN BUKAN COVID -19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN
Perlis	484	315	65%	19	11	58%
Kedah	2518	2048	81%	146	62	42%
Pulau Pinang	1976	1423	72%	81	47	58%
Perak	5150	2898	56%	102	57	56%
Selangor	5173	3898	75%	195	138	71%
WP Kuala Lumpur	3874	2976	77%	89	73	82%
WP Putrajaya	585	300	51%	20	12	60%
Negeri Sembilan	1652	1249	76%	97	37	38%
Melaka	1223	1018	83%	92	63	68%
Johor	5093	4091	80%	116	88	76%
Pahang	1874	1441	77%	118	45	38%
Terengganu	1532	1256	82%	61	29	48%
Kelantan	2526	1893	75%	158	122	77%
Sabah	4199	2752	66%	143	93	65%
Sarawak	3429	2273	66%	142	68	48%
WP Labuan	201	75	37%	12	3	25%
JUMLAH	41,489	29,906	72%	1,591	948	60%

Jika dibandingkan dengan data kapasiti keseluruhan katil di fasiliti kesihatan awam di **Jadual 2**, sememangnya terdapat perbezaan dengan data di **Jadual 1**. Ini kerana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah **termasuk** juga untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

Secara keseluruhannya, setiap negeri telah bersiapsiaga dengan pelan tindak balas cepat sekiranya berlaku peningkatan kes yang memerlukan kemasukan ke PKRC, hospital, dan ICU.

Jadual 3: Bilangan Kemasukan Pesakit Harian COVID-19 Ke Hospital Awam Mengikut Kategori & Negeri pada 22 Februari 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI 22.2.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID-19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Pertlis	111	4	20	7	1	0	32	29
Kedah	1,259	10	52	8	30	3	103	68
Penang	597	14	58	13	11	2	98	65
Perak	675	31	88	14	43	2	178	89
Selangor	1,246	11	85	26	41	3	166	181
WP KL	582	5	64	12	8	1	90	108
WP Putrajaya	73	7	7	1	6	0	21	19
Negeri Sembilan	1,084	7	65	12	18	3	105	87
Melaka	651	6	9	2	13	1	31	38
Johor	1,567	34	75	31	36	5	181	169
Pahang	655	14	67	13	20	0	114	82
Terengganu	421	6	24	6	20	0	56	45
Kelantan	410	4	47	21	43	1	116	75
Sabah	1,719	30	98	23	31	8	190	183
Sarawak	678	10	17	4	2	0	33	44
WP Labuan	98	2	4	0	0	0	6	4
JUMLAH	11,826	195	780	193	323	29	1,520	1,286

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19** ke hospital berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19. Misalnya, semasa didiagnosa, mungkin pesakit tersebut berada pada kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui *Home Surveillance Order* (HSO) digital, namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori 3 atau lebih dan memerlukan kemasukan ke hospital.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 22 Februari 2022, kes COVID-19 yang dimasukkan ke hospital adalah sebanyak **1,520 kes (Rajah 1)**. Daripada **1,520 kes** ini:

- **545 kes (35.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **975 kes (64.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.



Rajah 1: Bilangan Kemasukan Pesakit Harian COVID-19 Berdasarkan Kategori Ke Hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 22 Februari 2022:

- Kes sembuh: **19,037 kes** [2,974,441 kes kumulatif (90.9%)];
- Kes baharu : **27,179 kes** (3,273,958 kes kumulatif);
- Kes import : **120 kes** [64 warganegara (53.3%); 56 bukan warganegara (46.7%)];
- Kes tempatan : **27,059 kes** [26,381 warganegara (97.5%); 678 bukan warganegara (2.5%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **286 kes** (99 kes disahkan COVID-19; 187 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **180 kes** (58 kes disahkan COVID-19; 122 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19

Daripada **27,179 kes** harian yang dilaporkan pada 22 Februari 2022:

- **172 kes** (0.63 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **27,007 kes** (99.37 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Pecahan kategori kes:

- Kategori 1: 7,792 kes (28.67%);
- Kategori 2: 19,215 kes (70.70%);
- Kategori 3: 102 kes (0.37%);
- Kategori 4: 43 kes (0.16%); dan
- Kategori 5: 27 kes (0.10%).

Daripada 172 kes COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 22 Februari 2022:

- 51 kes (29.65%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 91 kes (52.91%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 30 kes (17.44%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 67 kes (38.95%) berumur 60 tahun dan ke atas;
- 93 kes (54.07%) mempunyai komorbid; dan
- 6 kes (3.49%) ibu mengandung.

KLUSTER COVID-19

- Jumlah kluster: **6,732 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,227 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **505 kluster**.

NILAI R_T

Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my> . Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 4: Nilai R_T Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 21 Februari 2022

NEGERI	NILAI R_T
WP Labuan	1.49
Sarawak	1.35
Sabah	1.31
Terengganu	1.28
Pulau Pinang	1.27
Pahang	1.26
Kelantan	1.26
Negeri Sembilan	1.26
Selangor	1.25
Perlis	1.25
Kedah	1.23
WP Kuala Lumpur	1.19
Johor	1.19
WP Putrajaya	1.16
Perak	1.12
Melaka	1.11
MALAYSIA	1.16

KEBERKESANAN DOS VAKSIN PENGGALAK (*BOOSTER*) DALAM MENGHADAPI GELOMBANG OMICRON


Program Imunisasi COVID-19 Dos Penggalak (PICK-B) telah dimulakan secara rasmi sejak 1 Oktober 2021, di mana sehingga 22 Februari 2022, 14,176,241 dos telah diberikan kepada individu dewasa yang layak (60.3% daripada penduduk dewasa di Malaysia).

Rajah 2-4 di bawah menunjukkan data terkini dari empat (4) minggu yang lepas (26 Januari 2022 sehingga 22 Februari 2022) bagi kes COVID-19 kategori 3, 4 dan 5 (bagi setiap 100,000 penduduk), serta kes kematian akibat COVID-19 bagi setiap 100,000 penduduk. Daripada rajah-rajah ini dapat disimpulkan bahawa:

- Kumpulan individu yang **tidak divaksinasi adalah paling berisiko** untuk dijangkiti COVID-19 yang serius (terutama pada kategori 4 dan 5) dan juga **paling berisiko** untuk **kematian** akibat jangkitan COVID-19. Ini dapat dilihat pada ketiga-tiga carta dan hampir semua kumpulan umur;
- Kumpulan individu yang telah **menerima vaksin COVID-19 dos penggalak (*booster*) adalah paling terlindung**, di mana dapat dilihat jumlah kes yang lebih rendah dijangkiti COVID-19 yang serius (kategori 3, 4, dan 5) dan juga kematian akibat COVID-19 di kalangan penerima dos


penggalak berbanding kumpulan yang tidak divaksinasi (*non-vaccinated*) dan kumpulan yang lengkap divaksinasi tetapi belum menerima dos penggalak (*vaccinated but unboosted*); dan

- Vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius COVID-19.




Rajah 2: Kes COVID-19 Kategori 3 Bagi Setiap 100,000 Penduduk Mengikut Status Vaksinasi

Kes Kat 4-5 per 100 ribu Populasi, mengikut Status Vaksinasi
(data bagi 26-Jan hingga 22-Feb)



Rajah 3: Kes COVID-19 Kategori 4 dan 5 Bagi Setiap 100,000 Penduduk Mengikut Status Vaksinasi

Kematian per 100 ribu Populasi, mengikut Status Vaksinasi
(data bagi 26-Jan hingga 22-Feb)



Rajah 4: Kes Kematian Akibat COVID-19 Bagi Setiap 100,000 Penduduk Mengikut Status Vaksinasi

Oleh itu KKM ingin menyeru semua individu dewasa yang berkecukupan namun belum menerima vaksin dos penggalak (*booster*) untuk segera mendapatkannya dari pusat pemberian vaksin (PPV) yang terdekat secara *walk-in*. Semak PPV di <https://vaksinovid.protecthealth.com.my/find>. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke slot janji temu tersebut. Lindungi diri dan orang tersayang. Dapatkan dos penggalak (*booster*).

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya anda **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke Pusat

Penilaian COVID-19 (CAC), sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui *Health Assessment Tool* (HAT) dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording* (robocall) akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;

- Individu yang perlu hadir ke CAC (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) terdekat untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC ; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (booster) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan

COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 Februari 2022 @ 10.00 pagi.

Jadual 5: Perbandingan Gejala COVID-19 Kategori 2A (Ringan) dan 2B (Sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (<i>exertional dyspnoea</i>)
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam